PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31 DECEMBER 2016

Pembangkang buat-buat tidak nampak: Najib

BH - 31/12/2016

Dakwaan kerajaan tak laksana pembangunan hanya cakap kosong

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur

Hujah pembangkang mendakwa kerajaan tidak melaksanakan pembangunan hanyalah kata-kata kosong, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, pembangkang sengaja mengambil sikap 'buat-buat tidak nampak' serta seperti katak di bawah tempurung apabila melontarkan hujah itu serta membandingkan dirinya dengan pemimpin lama.

Peluang pekerjaan

Katanya, pentadbirannya bukan saja melaksanakan pembangunan, malah memastikan ia mencipta ratusan ribu peluang pekerjaan serta memangkin ekonomi negara secara berterusan sejak tujuh tahun tampuk kepemimpinan negara bertukar tangan.

"Antara projek pemangkin ekonomi berlandaskan pembangunan besar-besaran adalah seperti MRT (Transit Aliran Massa), Lebuhraya Pantai Timur 3, Lebuhraya Pan Borneo, LRT 2 dan 3, (serta) Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang penting bagi menjana ekonomi kawasan sekitar serta merapatkan jurang antara kawasan pedalaman dan bandar.

"Kerajaan juga membangunkan projek pemangkin ekonomi yang menjadi mercu tanda negara seperti pembangunan Wilayah Iskandar, Rapid Pengerang, Danga Waterfront, Tun Razak Exchange, Bandar Malaysia, KL118 (iaitu) bangunan yang tertinggi di negara.

"Anehnya, ada yang kata bangunan seperti Tun Razak Exchange dan KL118, tidak ada satu tiang pun dibina. Saya saran pergilah lihat sendiri tapak pembinaan berkenaan sebelum melontarkan tuduhan yang memalukan diri," katanya.

Beliau berkata demikian dalam tulisan terbaru di blog rasminya, *najibrazak.com*, yang turut disertakan dengan rakaman audio ucapan Perdana Menteri.

Terajui projek antarabangsa

Mengulas lanjut, Najib berkata, Malaysia turut menerajui projek pembangunan pada peringkat antarabangsa seperti pembangunan Battersea, iaitu satu lagi mercu tanda ikonik di kota London.

"Lihatlah sendiri di internet projek yang mengharumkan nama negara ini.

"Banyaklah pembangunan infrastruktur yang dijalankan dalam masa hanya tujuh tahun pertama pentadbiran saya dan memangkinkan ekonomi negara secara berterusan.

"Kepada pembangkang, jangan bersikap seperti katak di bawah tempurung," katanya.